

# KANTTA

[www.nurulizzah.com](http://www.nurulizzah.com)

LEMBAH PANTAI



**Program Jom Shopping**

Kira-kira 200 orang warga emas yang menetap di kawasan parlimen Lembah Pantai telah bersama menjayakan program Jom Shopping ditemani YB Nurul Izzah Anwar, pada 20hb Ogos dan 18hb September 2011.

## Membela Hak Pemilik Tanah

SEPANJANG TAHUN LEPAS YB Nurul Izzah Anwar antara gagasan ahli parlimen Pakatan Rakyat yang telah berhempas pulas menghalang Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2010 diluluskan. Usaha ini yang pernah diterajui Allahyarhamah Dr. Lo' Lo' Ghazali, ahli parlimen Titiwangsa, selaras dengan pendirian majoriti pemilik dan pewaris tanah Kampung Bharu.

Mereka menolak keras penggubalan Rang Undang-Undang itu kerana ia tidak memberi jaminan bahawa hak mereka akan dipertahankan. Bantahan terutama tertumpu kepada kuasa mutlak yang diberikan oleh akta yang dikuatkuasakan kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, dan imuniti kepada perbadanan pembangunan itu daripada mana-mana tindakan undang-undang. Ini antara beberapa perkara yang terkandung dalam Rang Undang-Undang itu yang telah mencetuskan rasa tidak puas hati dan tentangan hebat di kalangan pemilik dan pewaris penempatan Kampung Bharu.

YB Nurul Izzah Anwar telah mencabar ketelusan dan keikhlasan proses yang dilaksanakan oleh

*Tidak boleh digunakan referendum ini, katanya hendak dengar suara rakyat tetapi sebagai jalan pintas kalau pun minoriti, walaupun 30, 40 orang tetapi mereka masih lagi pemilik sama ada sale and purchase agreement ataupun waris tanah tersebut.*

kerajaan pusat untuk mendapat persetujuan pembangunan daripada pemilik dan pewaris tanah. Proses menjalankan referendum yang sepatutnya menjadi asas utama rang undang-undang ini diluluskan diragui oleh YB Nurul Izzah sama ada ia benar-benar mencerminkan kehendak para pemilik dan pewaris tanah.

Pada 23hb Mac 2011, YB Nurul Izzah mengemukakan kebimbangan para pemilik dan pewaris tanah Kampung Bharu: "Tidak boleh digunakan referendum ini, katanya hendak dengar suara rakyat tetapi sebagai jalan pintas kalau pun minoriti, walaupun 30, 40 orang tetapi mereka masih lagi pemilik sama ada sale and purchase agreement ataupun waris tanah tersebut."

### DI DALAM

- 02** Subsidi Efisyen Pilihan Kita
- 03** Membanteras Kes Ragut
- 04** Program Klinik Percuma terus berkhidmat walau dihalang
- 05** 600 Warga Emas Sertai Jom Shopping
- 07** Kejohanan Badminton Piala Nurul Izzah
- 08** "Malam Berdarah" Lembah Pantai

### Nombor dan Maklumat Penting

DBKL : 1-800-88-3255  
 Kerosakan TNB : 15454  
 Syabas : 1-800-88-5252  
 Indah Water : 1-800-88-3495  
 Alam Flora : 03-2052-7922  
 Telekom : 103

### Skim Mesra Usia Emas (SMUE)

- Untuk menyemak Maklumat AHLI (warga emas) samada sudah mendaftar atau belum, taip: SMUE SEMAK [No. IC Warga Emas] dan hantarkan SMS ke 15888
- Untuk menyemak maklumat PENAMA (waris), taip: SMUE PENAMA [No. IC waris] dan hantarkan SMS ke 15888

### Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai

No 1-2, Jalan Pantai Murni 6  
 Pantai Dalam  
 59200 Kuala Lumpur  
 Tel 03-2240 9475/9476  
 Fax 03-2240 9473  
 Emel pejabat@nurulizzah.com  
[http://twitter.com/n\\_izzah](http://twitter.com/n_izzah)  
[www.nurulizzah.com](http://www.nurulizzah.com)

## Subsidi Efisyen Pilihan Kita



TATKALA NEGARA DIBELENGGU sistem subsidi yang jelas menguntungkan beberapa kroni terpilih, Ahli Parlimen Lembah Pantai mengorak langkah dengan menentang sistem subsidi yang benar-benar efisien dan tertumpu kepada mereka yang memerlukannya.

Bersama-sama dengan Yayasan MyKasih, seramai 25 keluarga yang tinggal di Lembah Pantai akan dapat menikmati bantuan RM40 dua kali sebulan selama dua tahun bermula Mei 2012. Lebih dari itu, keluarga-keluarga yang menyertai program ini diwajibkan menjalani kursus pengurusan kewangan keluarga. (Hingga tahun ini, sejumlah 75 keluarga telah menyertai program ini.)

Satu program saringan kesihatan serta pelancaran program MyKasih sesi 2012-2013 telah diadakan pada 12 Mei 2012 di Bangsar Foodcourt, dan telah menyaksikan hampir seratus peserta mendapat rawatan dan perkhidmatan konsultasi dari doktor-doktor pakar.



## Bersama penjaja Bangsar

PARA PENIAGA DI BANGSAR FOODCOURT, bersebelahan Bangsar Village 2 di Jalan Telawi, beranggapan mereka seakan-akan dianaktirikan pihak yang bertanggungjawab. Ini disebabkan masalah yang mereka hadapi selama ini masih belum diselesaikan.

Maka YB Nurul Izzah Anwar, Ahli Parlimen Lembah Pantai, telah turun pada 20hb September 2011 untuk mendengar masalah-masalah yang dihadapi para penjaja, dan sedang berusaha untuk mencari jalan penyelesaian.

Antara masalah yang mereka hadapi termasuklah bumbung yang bocor, tandas yang kurang diselenggara, tempat basuh tangan yang kerap rosak dan cat bangunan yang nampak lapok.

## Status pajakan Sekolah La Salle Brickfields



YB GESA STATUS PAJAKAN SEKOLAH di Brickfields dijelaskan. Nurul Izzah Anwar menerima aduan daripada bekas pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK) (T) di Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, yang menyatakan bimbang sekolah di sini akan dirobohkan bagi memberi laluan kepada pembangunan. Sebuah SJK Cina berhampiran telah diberi kata putus untuk dipindahkan.

YB menggesa kerajaan memberi penjelasan berhubung status pajakan sekolah itu yang akan tamat pada 2017. Menurutnya, walaupun dalam Draf Pelan Kuala Lumpur 2020, sekolah yang ditubuhkan pada 1954 itu masih tersenarai, kebimbangan apabila geran pajakan tamat berakhir pada 2017, tetap ada kerana tiada sebarang jaminan diberikan setakat ini.

“Sekolah ini penting untuk dikekalkan memandangkan pembangunan sedang giat dijalankan, ia akan menyumbang kepada kemasukan murid baru.”





## Pembela

### Loji Rawatan Kumbahan - 100% lebih mahal!



YB NURUL IZZAH BERTANYAKAN mengapa harga naiktaraf loji meningkat 100% dalam satu kenyataan media pada 24hb Mei 2011.

Petikan kenyataan media:

Saya mewakili penduduk Lembah Pantai dan Kuala Lumpur secara umumnya, mengalu-alukan usaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan Pantai 2 bagi mengurangkan bau dan bahaya loji tersebut kepada orang ramai.

...Pun begitu saya juga menyeru agar wang rakyat yang besar yang dibelanjakan untuk projek ini diuruskan dengan telus.

Penaiktarafan Loji Rawatan Kumbahan Pantai 2 tidak terkecuali. Sebelum ini anggaran bebas meletakkan kerja-kerja penaiktarafan pada harga kira-kira RM500 juta.

Justeru, saya teramatlah prihatin memandangkan dalam pengetahuan saya, tiada usaha tender terbuka dibuat bagi kerja penaiktarafan Loji Rawatan Kumbahan Pantai 2. Jika Kementerian sudahpun berada di peringkat akhir menganugerahkan kerja-kerja tersebut, ini bermakna projek tersebut dibuat secara rundingan terus dengan kontraktor. Apa yang membimbangkan saya ialah projek tersebut akan dianugerahkan pada nilai kontrak RM1 bilion, iaitu 100 peratus lebih mahal daripada anggaran pasaran."

...Saya menyeru Menteri yang bertanggungjawab untuk menjelaskan sama ada usaha tender telah pun dibuat untuk mendapat harga terbaik untuk projek ini.

Saya akan memantau secara dekat pelaksanaan projek ini untuk memastikan rakyat di Lembah Pantai dan Malaysia amnya mendapat nilai terbaik untuk wang mereka.

### Bantahan Penduduk Contessa Condo

PARA PENDUDUK CONTESSA CONDOMINIUM di Bukit Bandaraya menghantar petisyen kepada pihak DBKL membantah pembangunan sebuah banglo di Jalan Kapas, Bangsar, yang berada di sebuah lereng bukit yang curam (melebihi 35 darjah), pada 23hb Mei 2011.

Dalam pertemuan di antara wakil penduduk Contessa Condominium, Timbalan Presiden Persatuan Penduduk Bukit Bandaraya (BBRA) En Mumtaz Ali, Ahli Parlimen Lembah Pantai YB Nurul Izzah, dan Pengarah Jabatan Perancang Bandar Tn Hj Mahadi Che Ngah, para penduduk telah menimbulkan rasa kesal mereka terhadap pemaju yang tidak bersifat terbuka dalam memaklumkan status sebenar pembangunan tersebut.

Menurut wakil-wakil penduduk, tapak itu akan dibangunkan menjadi unit rumah dengan 4 tingkat bawah tanah dan 10 tingkat ke atas. Kepadatan penduduk akan meningkat dari 30 seekar ke 79 seekar, iaitu penambahan 164%.

"Kami bukan menolak pembangunan, tapi bagi kes pembangunan lereng bukit sudah terlalu banyak tragedi yang menimpa rakyat," jelas YB Nurul Izzah. "Saya kecewa kerana ini bukan kali pertama penduduk membantah projek tersebut... malah, saya dimaklumkan yang projek ini sebenarnya masih dalam pertimbangan dan belum pun diluluskan pihak DBKL."



### Membanteras Kes Ragut

DISEBABKAN KES RAGUT yang semakin meningkat di kawasan Taman Sri Sentosa, YB Nurul Izzah Anwar telah meminta kerjasama pihak polis untuk meningkatkan kekerapan rondaan pada 28hb September 2011.

"Saya telah terima banyak aduan dari penduduk Taman Sri Sentosa yang cukup risau dengan peningkatan kadar jenayah. Oleh itu, hari ini saya ingin meminta pihak polis meningkatkan rondaan mereka di kawasan ini," jelas beliau di luar Balai Polis Sri Sentosa.

YB Nurul Izzah berkata persoalannya bukanlah jumlah anggota PDRM, tetapi peratusan anggota polis yang ditugaskan.

"Hampir 41 peratus dari 106,000 anggota PDRM ditugaskan ke bahagian pentadbiran/

tugasan pejabat, manakala hanya lebih kurang 9,000 anggota polis ditugas ke jabatan siasatan jenayah.

"Maka yang wajib dilakukan adalah pemfokusan tugasan polis ke aras siasatan jenayah, lalu memungkinan peningkatan tangga gaji anggota polis, dengan kualiti dan profesionalisme yang dinantikan rakyat."

Tumpuan PDRM masih lagi atas kerja risikan dan intipan. Buat tahun 2010, sebanyak 733,237 Rakyat Malaysia diintip oleh pegawai Cawangan khas dibanding dengan hanya 211,645 kertas siasatan jenayah yang dibuka. Jelas bahawa reformasi struktur diperlukan bagi menangani permasalahan jenayah yang begitu berleluasa.



## Bantuan Dan Sumbangan

### Keselamatan Tanggungjawab Bersama

YB NURUL IZZAH telah mengadakan satu kempen keselamatan jalanraya dengan mengedar helmet motosikal bersama-sama maklumat keselamatan di stesyen Petronas NPE, Pantai Dalam, pada 18 Jun 2012. Program ini telah menyaksikan lebih 200 orang penunggang motosikal berkumpul untuk menerima sumbangan helmet serta risalah keselamatan. Semoga program-program sebegini dapat diteruskan, demi kebaikan bersama.



### Program Klinik Percuma terus berkhidmat walau dihalang



**PROGRAM KLINIK KESIHATAN PERCUMA** anjuran YB Nurul Izzah Anwar yang diadakan hampir dua ke tiga kali sebulan di seluruh Lembah Pantai ini sering mendapat sambutan yang baik dari para penduduk.

Ia mendapat sambutan baik dari penduduk setempat walaupun ada kalanya dihalang, seperti di Taman Sri Sentosa pada 13hb November 2011, di mana para doktor dihalang untuk menggunakan Dewan C1-02 di kawasan perumahan itu walaupun telah mendapat kelulusan awal sebelum ini. Semangat jitu para doktor dan sukarelawan untuk meneruskan khidmat walaupun dihalang tidak berputus asa.

### Program Cegah Nyamuk



**DISEBABKAN MASALAH NYAMUK** yang semakin berleluasa, Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai telah mengadakan program pencegahan nyamuk. Satu unit petugas telah diarah untuk membuat semburan sekitar Flat 4 Tingkat PKNS Kg Kerinchi pada 26hb Februari 2011.

### Melawat adik Nurul Nazatul

YB NURUL IZZAH telah membuat kunjungan ke Hospital Besar Kuala Lumpur pada 27hb Februari 2012 untuk menziarah adik Nurul Nazatul, yang telah mengalami kecederaan serius akibat terkena percikan minyak panas semasa pergi ke pasar malam. Kejadian tragis ini telah menyebabkan hampir 70% badan adik Nazatul melecur.





# Bantuan Dan Sumbangan

## Bantuan kepada penduduk Blok 20 Bukit Angkasa

YB NURUL IZZAH ANWAR dengan kerjasama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menyerahkan bantuan kepada penduduk miskin di Blok P20 Bukit Angkasa pada 14hb Ogos 2011.

Kempen Seorang Sekampit Beras dengan tema ‘susah sama ditanggung dan senang sama dirasa’ itu dihadiri warga-warga emas serta terpancar sinar gembira di wajah mereka apabila seorang wakil rakyat yang mesra menghulur bantuan untuk meringankan beban kehidupan yang semakin meningkat setiap hari.



## Sumbangan Komputer dan Kaki Palsu di Putra Ria

YB NURUL IZZAH telah membantu untuk menyediakan sumbangan peralatan komputer serta kaki palsu bagi para penduduk di PPR Putra Ria. Program ini dihadiri lebih kurang 30 orang penduduk pada 21hb Februari 2012.

## Kebakaran di Pantai Dalam



YB NURUL IZZAH ANWAR, Ahli Parlimen Lembah Pantai telah membuat lawatan serta menghulurkan bantuan zakat kepada 14 keluarga yang telah kehilangan tempat tinggal dan harta benda akibat kebakaran yang berlaku di Kampung Simpang Tiga, Pantai pada 14hb April 2011.

Beliau telah meluangkan masa untuk lebih mengenali para penduduk yang buat masa ini menetap di sebuah dewan serbaguna yang berhampiran.

Selain bantuan zakat, YB Nurul Izzah turut memberikan bantuan berupa barang keperluan harian, pakaian sekolah serta kain lampin untuk keluarga yang mempunyai anak-anak kecil.

“InsyAllah saya akan bantu untuk memastikan rumah-rumah yang telah dijilat api tempoh hari akan dapat dibangunkan semula,” kata beliau selepas sesi pemberian bantuan.

“Saya akan bekerjasama dengan beberapa agensi yang lain untuk memastikan proses pembinaan semula rumah-rumah ini dapat dijalankan secepat mungkin.”

## Program Jom Shopping



SEJAK DIMULAKAN, LEBIH 600 WARGA EMAS yang menetap di kawasan parlimen Lembah Pantai telah bersama menjayakan 5 program Jom Shopping anjuran Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai (20 Ogos, 18 Sept, 2 & 23 Okt 2011, dan 13 Mei 2012).

Setiap peserta diberi boucher RM100 untuk membeli barangan keperluan harian, dan merupakan satu lagi langkah perhatian kerajaan Pakatan Rakyat yang menerajui pucuk pimpinan negeri Selangor. Ia terbuka kepada semua golongan warga emas yang dilahirkan di Selangor dan telah berdaftar dengan Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Program ini adalah salah satu cara kerajaan negeri membantu golongan warga emas untuk mengurangkan beban perbelanjaan dan juga satu cara untuk mereka merasa berbelanja di pasar besar yang kadang-kadang jarang dapat mereka lakukan.



## Pesta dan Perayaan

### Rumah Terbuka Aidilfitri Lembah Pantai

**24HB SEPTEMBER 2011:** Lebih 3,000 warga Lembah Pantai telah hadir di program Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran YB Nurul Izzah Anwar, Ahli Parlimen Lembah Pantai, dan KEADILAN Lembah Pantai. Program ini telah diadakan di perkarangan Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai di Jalan Pantai Murni 6, Pantai Dalam.

Pada masa yang sama, hadirin juga telah sempat bermesra dan bergambar dengan beberapa tokoh politik tanah air yang tidak asing lagi, termasuklah Ketua Umum KEADILAN merangkap Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden KEADILAN Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, serta Ahli-ahli Parlimen dan ADUN KEADILAN yang lain.



### Mengedar bubur lambuk dan kurma di Stesen LRT Universiti



**12HB OGOS 2011:** Sempena bulan Ramadhan al-Mubarak ini, YB Nurul Izzah Anwar turut mengedarkan bubur lambuk dan kurma kepada orang ramai terutama penduduk-penduduk di kawasan Parlimen Lembah Pantai.

Program yang bermula pada pukul 6 petang diteruskan walaupun cuaca yang hujan dan sambutan orang ramai terhadap acara ini amat meriah serta paling penting YB Nurul Izzah dapat berdamping dengan penduduk Lembah Pantai yang baru pulang dari kerja.

### Lawatan ke Bazar Ramadhan Jalan Puchong



**5HB OGOS 2011:** Sempena bulan Ramadhan al-Mubarak, Yang Berhormat Nurul Izzah Anwar menjadikan lawatan ke bazar-bazar Ramadhan ini satu kemestian setiap hari, bazar pertama yang dilawati dan mengambil tahu mengenai orang ramai di kawasan Parlimen Lembah Pantai ialah Bazar Ramadhan Jalan Puchong.



## Pesta dan Perayaan

### Kejohanan Badminton Piala Nurul Izzah

**11 MEI 2011:** Kejohanan Badminton Piala YB Nurul Izzah telah diadakan dengan jayanya pada 7hb Mei yang lalu di Jalan Kelang Lama, Petaling Jaya.

Sebanyak 32 pasangan pemain telah menyertai kejohanan terbuka beregu lelaki ini, dan pertandingan telah dirasmikan oleh YB Nurul Izzah Anwar.



### Lawatan ke Brickfields

**24 OKTOBER 2011:** Dato' Seri Anwar Ibrahim, YB Nurul Izzah, serta beberapa lagi pimpinan Pakatan Rakyat telah turun padang untuk melawat para peniaga dan warga Brickfields, beberapa hari sebelum sambutan Hari Deepavali.



### Sambutan Tahun Baru Cina



**1 FEBRUARI 2012:** Hampir seribu orang telah hadir ke program sambutan Tahun Baru Cina Lembah Pantai, anjuran Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai. Program ini turut dihadiri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ketua Umum KEADILAN, YB Nurul Izzah, YB Tian Chua dan YB Hee Loy Sian.

### Sambutan Maulidur Rasul Lembah Pantai

**19 FEBRUARI 2012:** Lebih 400 orang telah menyertai program Maulidur Rasul peringkat Lembah Pantai pada hari Ahad yang lalu. Program yang bertempat di Blok P21, Taman Bukit Angkasa turut menarik minat ibu bapa yang menyertakan anak-anak mereka dalam satu pertandingan mewarna. Akibat "tekanan" dari beberapa pihak, program ini hampir kehilangan lokasi asal, iaitu di medan selera Dataran Bukit Angkasa

Turut serta dalam program 8 pagi hingga 12 tengah hari itu ialah Datuk Seri Dr Wan Azizah, Presiden KEADILAN, YB Nurul Izzah, Ahli Parlimen Lembah Pantai, dan YB Raveenthan, ADUN Batu Uban.

Selain itu, satu klinik kesihatan percuma telah juga diadakan di Blok 13 & 14, dan 80 orang penduduk telah menggunakan perkhidmatan percuma tersebut. Dua orang doktor telah memberikan khidmat mereka secara sukarela sepanjang 3 jam klinik tersebut dibuka.



## Prihatin

### “Malam Berdarah” Lembah Pantai



CERAMAH KEADILAN LEMBAH PANTAI di perkarangan flat Perumahan Pantai Permai pada 24 Mei 2012 pada mulanya berada dalam kemeriahan Demokrasi tiba-tiba menjadi kecoh apabila ‘beberapa individu’ memaling batu, telur dan botol air ke arah hadirin yang berkumpul untuk mendengar ucapan daripada pemimpin KEADILAN.

Kehadiran warga Lembah Pantai dan masyarakat sekitar bagi mendengar ucapan pemimpin-pemimpin terutamanya Datuk Seri Anwar Ibrahim telah diganggu dengan suasana yang amat mendukacitakan ditambah pula dengan provokasi murahan pihak tertentu.

Ceramah pada malam itu yang dimulai oleh YB Tian Chua, kemudian Sdr Shamsul Iskandar Mat Akin selaku Ketua Angkatan

Muda Keadilan Pusat. Sejurus sahaja YB Nurul Izzah memulakan ceramah beliau, PA system tiba-tiba tidak berfungsi dan lampu khemah terpadam. Kedegaran teriakan “wayar dipotong”...”wayar dipotong”. Ternyata, wayar telah disabotaj lagi.

Keadaan mula menjadi kelam kabut apabila telur dibaling kearah orang ramai yang hadir di ceramah tersebut. Bukan sahaja telur, bahkan batu juga dibaling menyebabkan seorang warga emas cedera setelah batu yang dilempar terkena kepala beliau. Kejadian ini berlaku ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim sedang menyampaikan ucapan di hadapan ribuan warga Lembah Pantai.

Politik Samseng dan Ganas sekali lagi dinampakkan di hadapan yang hadir. Tidak cukup dengan itu, ceramah Ketua



Pembangkang diganggu berulang kali dengan teriakan dan pekikan suara sumbang ditambah lagi gangguan laser dari flat yang berdekatan. Rupa-rupanya, bukan hanya pakcik ini sahaja yang menjadi mangsa pada malam itu, tetapi hadirin yang hadir dikejutkan dengan kecederaan seorang anak kecil berumur 12 tahun yang cedera di tangan apabila terkena batu yang dibaling.

Lanjutan daripada itu, YB Nurul Izzah bersama-sama Ahli Parlimen Pakatan Rakyat telah menghantar satu memorandum kepada SUHAKAM menggesa siasatan menyeluruh dilakukan disebabkan keganasan politik yang makin berleluasa.



## 10 Kejayaan Negeri-negeri Pakatan Rakyat

- 01 Meningkatkan simpanan Negeri Selangor ke RM1.2 bilion, tertinggi dalam 28 tahun
- 02 Mengurangkan hutang Pulau Pinang sebanyak 95% dari RM600 juta ke RM35 juta
- 03 Kedah: Pendapatan balak per ekar hampir 20 kali ganda berbanding era pentadbiran BN
- 04 Kelantan menubuhkan Ladang Rakyat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat termiskin tanpa mengira bangsa, agama dan parti politik.
- 05 Jumlah Pelaburan Asing (FDI) bagi keempat-empat negeri Pakatan Rakyat bagi tahun 2010 bernilai RM25 bilion, iaitu 53% keseluruhan pelaburan asing yang masuk ke Malaysia pada tahun tersebut.
- 06 Agama Islam & hak Bumiputera terjamin
- 07 Air percuma di Selangor, Wifi percuma di Pulau Pinang
- 08 Akta Kebebasan Maklumat di Selangor & Pulau Pinang
- 09 Nasib pegawai kerajaan dibela melalui pelbagai skim kebajikan
- 10 Dasar gaji minima yang pertama di Malaysia diperkenalkan di Selangor, sebanyak RM1500 sebulan di semua anak syarikat negeri Selangor.